



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***ASPEK LEKSIKOGRAFI ENTRI DIALEK KELANTAN DALAM KAMUS
DEWAN EDISI KEEMPAT***

NURUL AIN BINTI AHMAD

FBMK 2015 26



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

**ASPEK LEKSIKOGRAFI ENTRI DIALEK KELANTAN DALAM KAMUS
DEWAN EDISI KEEMPAT**

Oleh

NURUL AIN BINTI AHMAD

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Mei 2015

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Aku anak bangsa ingin berjaya
Bangkit dari tidur yang lena
Di hati penuh semangat waja
Menebus maruah bangsa perwira

Aku anak bangsa ingin berjaya
Tersedar dari ranjang kecewa
Bangkit gagah di persada dunia
Ingin kukejar cita-cita.

Aku anak bangsa ingin berjaya
Harapan tinggi ibu bapa
Akan kutangkis derita melanda
Demi nusa dan maruah negara.



Abstrak Tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera.

**ASPEK LEKSIKOGRAFI ENTRI DIALEK KELANTAN DALAM KAMUS
DEWAN EDISI KEEMPAT**

Oleh

NURUL AIN BINTI AHMAD

Mei 2015

Pengerusi : Prof Emeritus Hashim bin Musa, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Dalam kepelbagaian dialek yang terdapat di Malaysia, kajian Dialek Melayu Kelantan banyak mendapat tempat di hati pengkaji dalam melakukan kajian. Walau bagaimanapun, kajian lepas yang mengkaji dialek Kelantan dalam bidang perkamusan belum mendapat sambutan. Namun begitu, sudah ada kamus dialek yang telah dihasilkan oleh Abdullah Al-Qari Bin Haji Salleh (1981) yang bertajuk “Kamus Pertuturan Loghat Kelantan”. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis entri dialek Kelantan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Justeru, terdapat empat objektif dalam kajian ini. Objektif yang pertama adalah untuk mengenal pasti masalah ortografi, fonologi dan fonetik Dialek Kelantan dalam Kamus Dewan. Objektif kedua adalah untuk menjelaskan aspek morfologi dan sintaksis dialek Kelantan. Objektif ketiga adalah untuk menganalisis perbezaan makna entri yang sama antara Dialek Kelantan dengan Bahasa Melayu Baku. Objektif keempat adalah untuk menyusun kamus dialek Kelantan mengikut teori model Ibrahim Ahmad (2005). Dalam kajian ini pengkaji mengaplikasikan prinsip-prinsip leksikografi yang dinyatakan oleh Ibrahim Ahmad (2005) untuk menangani persoalan penyediaan kamus dan pentafsiran makna dalam kajian ini. Pengumpulan data dilakukan dengan menggunakan kaedah lapangan dan kaedah kepustakaan. Pengkaji juga menggunakan Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) sebagai bahan kajian dalam pengumpulan data dalam kajian ini. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa terdapat 1047 entri perkataan dialek Kelantan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat. Kajian ini juga menunjukkan bahawa bidang leksikografi merangkumi semua bidang lain termasuk ortografi, fonologi, fonetik, morfologi, sintaksis dan semantik.

Kata kunci : Leksikografi, Entri, Dialek Kelantan, Bahasa Melayu Baku, Kamus Dewan Edisi Keempat

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts.

**THE LEXICOGRAPHY ASPECTS OF KELANTANESE DIALECTS IN
'KAMUS DEWAN EDISI KEEMPAT'**

By

NURUL AIN BINTI AHMAD

Mei 2015

Chairman : Prof Emeritus Hashim bin Musa, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

In various fields of studies, Kelantanese dialect found a place in the hearts of many researchers. However, in previous studies that examined the Kelantanese dialect lexicography has not been done. However, the existing dialect dictionary has been produced by Abdullah Al-Qari Bin Haji Salleh (1981), entitled "Speech Dictionary Kelantan Dialect". Thus, this study will add to the literary treasure of Malay language. There are four objectives of this study. The first objective is to identify entries of the Kelantanese dialect that are found in *Kamus Dewan* was published by the *Dewan Bahasa dan Pustaka*. The second objective is to describe morfological and syntactical aspects on the Kelantanese dialect and the third objectives is to analyse the differences in meaning of word in the Kelantanese dialect to that and standard of Malay. The fourth objective is to compile a dictionary of Kelantan dialect by Ibrahim Ahmad theoretical model (2005). In this study, researcher used the principles of lexicography described by Ibrahim Ahmad (2005) to solved this problem. Data were collected by means of fieldwork and library research. Comments from selected respondents on the word entries of the dialects with regards to their meaning and pronunciation were recorded and used as the data of the study. Researchers also use the *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010) as a research tool for data collection in this study. The result showed that there is 1047 entries in the Kelantan dialect word in *Kamus Dewan Edisi Keempat*. This research also shows that the field of lexicography covers all other areas, including orthography, phonology, phonetics, morphology, syntax and semantics.

Keywords : Lexicography, Word Entries, Kelantanese Dialect, The Standard Malay Language, *Kamus Dewan Edisi Keempat*

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih. Selawat dan Salam kepada junjungan Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tugas penulisan ilmiah yang bertajuk 'Aspek Leksikografi Entri Dialek Kelantan dalam Kamus Dewan' ini dengan sempurna.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada pensyarah penyeliaan tesis, Prof Emeritus Dr Hashim Bin Musa dan Prof Madya Dr Noor Aina Dani selaku 'guru' saya yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sehinggalah kajian ini dapat disempurnakan. Saya juga berterima kasih atas kesabaran dan kesungguhan beliau semasa membimbing saya dan rakan-rakan yang lain. Sesungguhnya dorongan dan panduan yang beliau berikan amatlah berguna dan menjadi sumber inspirasi untuk terus berjaya pada masa hadapan. Pada kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah yang lain yang telah mencurahkan segala ilmu sepanjang pengajian ini.

Penghargaan paling istimewa buat kedua-dua ibu bapa saya Ahmad bin Abdul Rahman dan Wan Eshah Binti Mustapha yang tidak pernah putus mendoakan kejayaan dan kesejahteraan sepanjang perjalanan hidup ini. Mereka adalah tulang belakang dan akar tunjung saya yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan semasa pengajian ini.

Jutaan terima kasih juga buat suami yang tercinta Norfarimie Mohamad Yusof yang sentiasa memberi semangat dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini serta tidak lupa juga sahabat - sahabat yang dikasihi Nur Amira Che Soh, Al-Fatihah Adnan dan Nur Hidayati Diyana dan sahabat-sahabat lain yang tidak saya abadikan nama di sini kerana sentiasa menemani saya ketika bergelut dengan perjuangan ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat guru saya Encik Mohd Hazani Mahadi yang sentiasa memberi idea - idea semasa menyiapkan kajian ini. Semangat kalian semua telah memberikan dorongan kepada saya dalam menempuh hidup yang kian mencabar.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada Universiti Putra Malaysia, khususnya Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi kerana memberikan kebenaran menjalankan kajian dan tidak lupa para subjek yang terlibat di dalam kajian ini. Jasa kalian amat dihargai dalam menyempurnakan kajian ini. Sesungguhnya kajian ini amat bermakna kepada saya yang seterusnya dapat dimanfaatkan untuk mereka yang lain. Sekian.

Nurul Ain Binti Ahmad,
Master Sastera (Bahasa Melayu).
Universiti Putra Malaysia.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 18 Mei untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurul Ain binti Ahmad untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “Aspek Leksikografi Dialek Kelantan dalam Kamus Dewan” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abdul Rashid Bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putera Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Bin Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putera Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Salina Binti Ja'afar, PhD

Fakulti Pengajian Melayu
Universiti Malaya
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia
Tarikh

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Hashim Bin Musa, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Noor Aina binti Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/*fabrikasi* data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Nurul Ain Binti Ahmad (GS35659)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah - Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama

Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Emeritus Dr. Hashim bin Musa

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Noor Aina binti Dani

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i	
ABSTRACT	ii	
PENGHARGAAN	iii	
PENGESAHAN	iv	
PERAKUAN	vi	
SENARAI JADUAL	x	
SENARAI RAJAH	xi	
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xii	
BAB		
1	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang	1
1.3	Pernyataan Masalah	7
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Skop Kajian	10
1.8	Definisi Operasional	11
1.8.1	Leksikografi	11
1.8.2	Entri	13
1.8.3	Dialek	14
1.8.4	Dialek Kelantan	15
1.9	Kesimpulan	16
2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	17
2.2	Kajian Leksikografi	17
2.3	Kajian Dialek	21
2.4	Kajian Dialek Kelantan	23
2.5	Perkaitan antara Sorotan Kajian dengan Kajian Ini	26
2.6	Kesimpulan	26

3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	27
	3.2 Kaedah Kajian	28
	3.3 Keedah Persembahan Kamus	28
	3.3.1 Maklumat Sebutan	29
	3.3.2 Maklumat Nahu	30
	3.3.3 Maklumat Pemerian Makna	30
	3.3.4 Maklumat Contoh	30
	3.3.5 Maklumat Etimologi	31
	3.3.6 Maklumat Ortografi	32
	3.4 Kerangka Konseptual	34
	3.5 Tempat Kajian	35
	3.6 Responden	35
	3.7 Bahan Kajian	36
	3.8 Alat Kajian	38
	3.9 Penganalisan Data	38
	3.10 Kesimpulan	38
4	DAPATAN KAJIAN	
	4.1 Pengenalan	39
	4.2 Entri-Entri Dialek Kelantan Aspek Ortografi , Fonetik dan Fonologi dalam Kamus Dewan	42
	4.3 Perbezaan Aspek Morfologi dan Sintaksis Dialek Kelantan Dengan Bahasa Melayu Baku	64
	4.4 Perbezaan Makna Entri yang Sama antara Dialek Kelantan dengan Bahasa Melayu Baku	68
	4.4 Rasional Penyusunan Kamus Dialek Kelantan mengikut Teori Model Ibrahim Ahmad (2005)	89
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	5.1 Pengenalan	91
	5.2 Rumusan	91
	5.3 Cadangan	93
	BIBLIOGRAFI	95
	LAMPIRAN	99
	BIODATA PELAJAR	175
	SENARAI PENERBITAN	176

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
1.1 Perbezaan Bilangan Entri Dialek Setiap Negeri dalam Kamus Dewan Edisi Pertama dan Kedua	5
1.2 Contoh Kamus dengan Status Kemasukan Maklumat Linguistik	12
3.1 Jumlah Responden Kajian	36
3.2 Statistik Jumlah Entri Dialek di Malaysia	37
4.1 Lambang Bunyi Vokal	40
4.2 Lambang Bunyi Konsonan	41
4.3 Contoh Perkataan Yang Berimbuhan	65
4.4 Contoh Perkataan yang Mempunyai Tiga Suku Kata	65
4.5 Contoh Perkataan yang Didahului Kata Sendi	66
4.6 Contoh Kata Penguat	67
4.7 Contoh Sinonim Perbezaan BMB Dan Dialek	68
4.8 Contoh Sinonim Perbezaan BMB Dan Bahasa Arab	69
4.9 Contoh Sinonim Dialek Kelantan Dengan BMB	70
4.10 Contoh Antonim	71
4.11 Contoh Antonim Dialek Kelantan Dengan BMB	71
4.12 Contoh Homonim	87
4.13 Contoh Homonim Dialek Kelantan	88

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Perancangan Program Penyusunan Kamus	5
1.2	Klasifikasi Entri mengikut Lauren Urdang	13
1.8	Hubungan antara bahasa dan dialek-dialek Melayu	15
2.1	Teori Medan Makna J.Trier	19
3.1	Kerangka Konsepsi Penyelidikan	34
4.1	Model Teori Penyusunan Kamus Ibrahim Ahmad	89

SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

Ar	-	Arab
Br	-	Brunei
C	-	Cina
DK	-	Dialek Kelantan
Ib	-	Indonesia Belanda
Id	-	Indonesia
Jh	-	Johor
Jk	-	Jakarta
Jw	-	Jawa
KD	-	Kamus Dewan
Kd	-	Kedah
Kl	-	Kelantan
MI	-	Melaka
Mn	-	Minangkabau
NS	-	Negeri Sembilan
Ph	-	Pahang
Pl	-	Perlis
Pn	-	Pulau Pinang
Pr	-	Perak
Tr	-	Terengganu

Ark	-	arkaik
Bd	-	bahasa dalam
Bh	-	bahasa halus
Bk	-	bahasa kasar
Bkn	-	berkenaan (dengan)
Bp	-	bahasa percakapan
Dgn	-	dengan
Dll	-	dan lain-lain
Dlm	-	dalam
Dr	-	dari
Drpd	-	daripada
Dsb	-	dan sebagainya
Kep	-	kependekkan
Ki	-	kiasan
Kpd	-	kepada
Lwn	-	lawan
Mis	-	misalnya
Pd	-	pada
Prb	-	peribahasa
Sbg	-	sebagai
Sj	-	sejenis
Sl	-	sastera lama
Spt	-	seperti
Sr	-	seruan
Utk	-	untuk
Yg	-	yang

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan secara menyeluruh tentang aspek leksikografi entri perkataan dialek Kelantan (selepas ini disebut DK) dalam Kamus Dewan (selepas ini disebut KD) dan seterusnya menerangkannya secara terperinci. Selain itu, kajian ini juga akan menerangkan serba sedikit definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini agar pembaca dan pengkaji mempunyai gambaran yang lebih jelas tentang kajian ini. Oleh hal yang demikian, dalam bab ini juga akan menghuraikan pernyataan masalah kajian, objektif kajian, skop hala tuju kajian serta kepentingan kajian secara khusus.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bidang perkamusan ataupun leksikografi kian mendapat tempat dalam kalangan pengkaji pada masa ini. Hal ini dapat dibuktikan apabila kita melawat laman sesawang berkaitan perkamusan, banyak sumber pengetahuan yang berguna dapat diperoleh dengan mudah dan pantas. Tambahan pula, penawaran kursus mengenai perkamusan juga boleh didapati di pelbagai universiti dengan hanya merujuk internet dan laman sesawang yang memuat naik maklumat berkaitan perkamusan. Sekiranya kamus merupakan sebuah buku yang merakamkan pelbagai aspek sesuatu kata bagi sesuatu bahasa, ianya jelas menunjukkan bahawa kandungan sesebuah kamus lengkap melambangkan tahap pemikiran sesuatu bangsa tersebut.

Leksikografi bukan sahaja merupakan satu bidang yang berkait rapat dengan kerja - kerja penghasilan kamus, malahan juga memerlukan pemahaman terhadap bidang - bidang ilmu yang lain seperti morfologi, sintaksis, semantik dan fonologi kerana bidang tersebut penting dalam penghasilan kamus. Perkembangan ilmu pengetahuan telah menjadikan leksikografi Melayu semakin maju selaras dengan ledakan ilmu hari ini. Desakan hari ini untuk mempelajari bidang baharu menyebabkan munculnya pelbagai bentuk kamus sebagai panduan untuk pelajar, guru dan masyarakat.

Kedinamikan bahasa yang merupakan ciri sejagat mana - mana bahasa di dunia ini menjadi paksi bagi segala persoalan dan kerumitan dalam dunia perkamusan. Ciri ini memberi cabaran besar kepada penyusun kamus untuk bijaksana memikirkan kaedah, pendekatan dan strategi yang baik bagi merakamkan perubahan tersebut. Sekiranya kamus dikatakan sebagai sebuah buku yang merakamkan pelbagai aspek sesuatu kata bagi sesuatu bahasa, ini bermakna bahawa kandungan sesebuah kamus yang lengkap bagi sesuatu bahasa itu melambangkan tahap pemikiran atau tamadun sesuatu bangsa itu. Semakin tinggi tamadun sesuatu bangsa, maka semakin luas perbendaharaan katanya. Jika tugas penyusun kamus ialah merakamkan pelbagai aspek linguistik dan ekstralinguistik perbendaharaan kata sesuatu bahasa, ini bermakna penyusun kamus itu seharusnya berpengetahuan luas.

Dalam hal ini, luas memberi makna bukan sahaja berpengetahuan mengenai ilmu perkamusan malahan cabang - cabang ilmu linguistik yang lain seperti sintaksis, morfologi, semantik, pragmatik, etimologi, dan fonologi serta memiliki pengetahuan mengenai kesenian, kebudayaan, antropologi, sains, teknologi dan lain - lain lagi.

Menurut Asmah Haji Omar (1987), pada abad ke - 19 pertumbuhan kamus dwibahasa dalam pelbagai bahasa berkembang kerana ramai pedagang tertumpu di Alam Melayu dan terdapat kelainan antara sejarah perkembangan perkamusan Melayu dan sejarah perkamusan di Barat. Pada abad ke -19, penerbitan kamus Melayu semakin bertambah. Antara buku yang terbit dalam abad ke - 19 ini ialah :

- a) *A Dictionary Of The Malayan Language* yang disusun oleh William Marsdan (1812). Kamus ini merupakan kamus terbesar pada masa itu bahkan sehingga beberapa tahun kemudian. Kamus ini kemudiannya diterjemahkan oleh C.P.Eliot ke dalam bahasa Belanda dan Perancis.
- b) *A Dictionary Of The Malay Language* oleh J. Crawfurd (1852).
- c) *A Dictionary Of The Malayan Language* oleh Hugh Clifford dan Frank Swettenham (1894). Kamus Melayu Inggeris ini disusun dari abjad A sehingga G setebal 509 halaman.
- d) Kitab Pengetahuan Bahasa oleh Raja Ali Haji (1858) sebuah kamus ekabahasa Melayu yang pertama disusun oleh orang Melayu sendiri.
- e) Kamus Mahmudiyah yang disusun oleh Syed Mahmud bin Syed Abdul Kadir (1894).

Sumber : Abdul Rashid Melebek (2005)

Kecenderungan menghasilkan kamus - kamus tersebut disebabkan tiga faktor yang penting. Faktor pertama yang menjurus penarikan orang - orang luar datang ke alam Melayu ialah perdagangan sumber alam seperti rempah - ratus, kayu - kayan dan bahan galian (Asmah Haji Omar, 1987). Kepentingan perdagangan membawa kepada hubungan sosial antara orang luar dengan orang tempatan. Oleh sebab bahasa Melayu telah menjadi lingua franca pada zaman itu, maka keperluan untuk memahami dan mempelajari begitu ketara sekali, terutamanya dalam kalangan pedagang asing dan para mubaligh yang datang ke Melaka. Mereka perlu berkomunikasi antara orang tempatan dengan orang asing yang datang ke Melaka pada masa itu. Keadaan tersebutlah yang menimbulkan keperluan untuk menyusun kamus.

Faktor kedua ialah dari segi pemerintahan dan pentadbiran. Dalam abad ke - 19, khususnya mulai tahun 1824 dengan Perjanjian London, selepas Perang Napoleon di Eropah, alam Melayu dibahagikan di antara dua kuasa penjajah Eropah iaitu kuasa British dan kuasa Belanda. Tanah - tanah jajahan di bawah kuasa British diwakili oleh negara - negara yang sekarang ini termasuk Malaysia, Brunei, dan Singapura manakala Indonesia sebagai negara di bawah kekuasaan Belanda. Mereka menggunakan bahasa masing - masing iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Belanda dalam mentadbir tanah - tanah jajahan mereka itu. Oleh hal yang demikian, muncullah kamus dwibahasa seperti kamus Melayu - Inggeris dan kamus Melayu - Belanda. Kamus Inggeris - Melayu dan Melayu - Inggeris yang pertama terdiri daripada 468 halaman yang disusun oleh Thomas Bowrey pada tahun 1701 (Noresah Baharom, 2009).

Faktor ketiga ialah adanya sistem kenderaan yang lebih efisien dan cepat iaitu kapal wap. Keadaan ini yang menjadikan pertemuan pelbagai bangsa dari seantero dunia yang berlaku secara lebih rancak dibandingkan dengan abad sebelumnya. Hal ini kerana, kapal wap mencepatkan perjalanan antara benua yang seterusnya menyebabkan orang tertumpu di alam Melayu.

Faktor lain yang menjurus berlakunya perkembangan leksikografi Melayu ialah kegiatan mubaligh Kristian dari pelbagai mazhab. P. Favre yang menghasilkan kamus Melayu - Perancis dalam tahun 1875 dan C.H Thomson serta B.P Keasberry yang menghasilkan kamus Melayu - Inggeris juga dalam abad ke -19, serta penyusun - penyusun kamus Melayu - Belanda dalam abad ke - 19 dan awal abad ke - 20 adalah antara mubaligh yang mengembangkan agama Kristian di kepulauan Melayu dengan menggunakan bahasa Melayu (Noresah Baharom, 2009).

Kamus Melayu tertua merupakan kamus dwibahasa Melayu - Cina yang terhasil pada masa itu yang mengandungi lebih kurang 482 entri perkataan yang dapat digolongkan dalam 17 kategori seperti astronomi, geografi, tumbuh - tumbuhan, alat perkakas, manusia, perilaku, tubuh badan dan sebagainya. Penghasilan kamus ini jelas menunjukkan kepentingan untuk mempelajari bahasa Melayu pada zaman tersebut dan seterusnya menunjukkan kekuatan kamus tersebut.

Dalam hal ini menunjukkan bahawa perbendaharaan kata yang digunakan pada zaman tersebut menjelaskan mengenai budaya dan pemikiran masyarakat pada zaman tersebut yang mana lebih berkaitan dengan perdagangan. Selain itu juga, kata yang dipilih sebagai entri juga merupakan kata yang diperlukan untuk melancarkan hubungan antara China dan Melaka, khususnya yang berkaitan pemberian ufti.

Selain itu, perkembangan perbendaharaan kata bahasa Melayu juga turut dipengaruhi oleh bahasa asing yang mendampinginya dari zaman ke zaman. Hal ini terbukti apabila perbendaharaan kata bahasa Melayu yang digunakan sekarang banyak dipinjam daripada bahasa lain seperti Portugis, Belanda, dan Inggeris akibat penjajahan mereka. Seterusnya, sekiranya diperhatikan perkembangan bahasa Melayu sebelum kedatangan Cina, Portugis, Belanda dan Inggeris di Melaka iaitu zaman bahasa Melayu purba dan kuno, kita lihat sebahagian besar perbendaharaan kata yang meresapi bahasa Melayu pada zaman tersebut datangnya daripada bahasa Sanskrit dan bahasa Arab. Sehingga ke hari ini, pengaruh kedua - dua bahasa terus meresap ke dalam perkembangan perbendaharaan bahasa Melayu.

Sebagai contohnya, entri seperti *citra*, *bahasa*, *negara* dan *bumi* datangnya daripada bahasa Sanskrit manakala entri seperti *abad*, *abadi awal*, *akhir* serta *Ahad* berasal daripada perkataan Arab (Noresah Baharom, 2009). Keadaan ini menunjukkan bahawa, perkamusan Melayu bermula dengan kamus - kamus dwibahasa kerana keperluan praktis dan kamus ekabahasa pula bermula agak lewat sedikit sekitar 1980 - an.

Menurut Asmah Haji Omar (1987), tokoh pertama kali yang memperjuangkan bahasa Melayu ialah Raja Ali Haji yang iaitu nama sebenarnya ialah Raja Ali Haji bin Raja Haji Ahmad. Beliau merupakan tokoh bahasa, agama, sejarah, politik dan kesusasteraan yang terkenal pada abad ke - 19. Beliau banyak memberi sumbangan dan idea dalam penulisan sejarah Melayu pada masa itu. Antara hasil karya beliau yang terulung ialah :

- a) Salasilah Melayu dan Bugis (1890)
- b) Tuhfat Al - Nafis (1865)
- c) Bustanul – Katibin
- d) Kitab Pengetahuan Bahasa
- e) Gurindam Dua Belas
- f) Syair seperti Syair Siti Shianah, Suluh Pegawai, Hukum Nikah dan Sultan Abdul Muluk.


Dalam karya yang bertajuk Tuhfat Al - Nafis bingkisan berharga tentang sejarah Melayu, meskipun dilihat lemah dalam segi penjelasan mengenai sejarah disebabkan tidak dijelaskan secara terperinci mengenai sumber dan tahunnya, namun masih dianggap sebagai satu catatan pengembaraan peristiwa Melayu yang lengkap dan boleh diterima pakai. Begitu juga dengan karya beliau yang lain seperti Bustanul Katibin yang dianggap sebagai sumber terpenting dalam sejarah Melayu kerana penulisan tersebut lebih realistik sekaligus mengurangkan unsur - unsur mitos, dongeng dan khayalan dalam penghasilan karya.

Proses untuk membina dan mengembangkan bahasa Melayu dengan menyusun pelbagai jenis kamus yang telah dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka adalah seiring dengan proses penubuhannya. Penggubalan istilah bermula pada tahun 1956 dan kerja penyusunan kamus khususnya Kamus Dewan bermula pada tahun 1963. Setelah penghasilan Kamus Dewan, bahagian perkamusan terus mengorak langkah untuk menghasilkan kamus dwibahasa.

Melalui aktiviti penyusunan kamus ini, pelbagai maklumat kebahasaan dapat disebarkan kepada masyarakat. Selain menggambarkan senarai perbendaharaan kata yang pelbagai aspek termasuk kata - kata baku, dialek, slanga dan istilah yang mempunyai makna tertentu dalam penggunaan tertentu, kamus juga memberikan beberapa maklumat tatabahasa bagi sesuatu kata. Antara maklumat yang dipaparkan dalam biasanya dalam kamus seperti ejaan, sebutan, kelas kata dan morfologi. Di samping itu juga, bahasa Melayu terus berkembang pesat dalam pembentukan kosa katanya, sama ada yang tumbuh secara alamiah melalui kekreatifan penggunaannya mahupun yang dirancang oleh ahli perancang Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka melalui penciptaan istilah dalam pelbagai bidang ilmu.

Namun demikian, terdapat tiga aspek utama yang sentiasa mencabar kewibawaan dan kebijaksanaan seseorang penyusun kamus khususnya dalam konteks bahasa Melayu dalam menjalani era pembakuan. Tiga aspek tersebut ialah kedinamikan bahasa itu sendiri, perkembangan pelbagai bidang ilmu dalam bahasa itu dan pelbagai pertimbangan ekstralinguistik yang terpaksa dibuat oleh penyusun kamus sebagai perancang bahasa dalam menyediakan pelbagai jenis kamus sekalipun.

Disiplin penyusunan kamus melibatkan pelbagai proses yang menuntut strategi kerja yang jelas dari segi falsafah penyusunannya.



Rajah 1.1 : Perancangan Program Penyusunan Kamus (Ibrahim Ahmad, 2005)

Perkamusan bukan sahaja berkaitan dengan kamus, bahkan merangkumi ruang lingkup yang sangat luas. Bidang - bidang ilmu yang berkaitan dengan kamus memerlukan penelitian dan kajian yang sangat mendalam. Kamus bukan sahaja mengungkap makna, bahkan menerangkan juga kepelbagaian makna sesuatu entri dalam pelbagai bidang penggunaannya. Kamus bukan sahaja mengkhususkan dalam bidang bahasa tetapi juga mengkhususkan makna dalam bidang ilmu yang lain seperti bidang perubatan, undang - undang, pertanian dan sebagainya.

Leksikologi dianggap relevan dalam penyusunan kamus dan dapat menjelaskan cara kata dan frasa dibentuk, iaitu dari segi penggabungan, pengubah suai dan pendefinisian serta penggunaan kata yang berubah - ubah dalam bahasa mengikut beberapa parameter sebagai dialek, aspek formalnya atau secara teknikal.

Kamus dialek tergolong dalam kamus khusus yang mempunyai sumbangan yang amat signifikan dalam dunia perkamusan itu sendiri. Oleh sebab konsep kamus mempunyai pengertian yang amat luas dan meliputi input linguistik seperti morfologi, sintaksis, semantik dan fonologi maka potensi untuk kamus khusus ini berkembang terbuka luas. Kamus dialek menjadi timbang tara dalam mencorakkan kepelbagaian aktiviti penyusunan kamus dan menjadi agen kodifikasi bahasa yang amat berpengaruh.

Selain itu, kamus dialek mendukung satu jujuk dalam disiplin leksikon yang merentas suatu spektrum kata yang cukup luas. Sekiranya kamus umum memaparkan satuan unit leksikal yang wujud dalam sesuatu bahasa, maka kamus khusus memilih satu dimensi daripada keseluruhan yang ada (Ibrahim Ahmad, 2005). Berdasarkan tipologi yang dibentuk oleh para peneliti kamus, ternyata bahawa kedudukan kamus khusus seiringan dengan kamus umum, baik dari segi penggunaannya dan mahupun dari segi kepentingannya.

Prinsip penyusunan kamus khusus bertujuan memenuhi keperluan pengguna, yang berlainan latar belakang ilmu dan keprofesionalan, terutamanya untuk mengkaji dan mendalami sesuatu bidang ilmu tersebut. Dengan kata lain, kamus dialek menjadi milik golongan pengguna khusus yang berkepentingan bagi mendapatkan segala maklumat yang lengkap tentang sesuatu kata dan huraian makna secara khusus. Sebagai contohnya, bagi pengguna kamus yang ingin mendalami makna sesuatu kata, kamus dialek bukan sahaja memaparkan maklumat mengenai makna namun maklumat berkaitan fonologi dan semantik juga dijelaskan secara terperinci.

Menurut Noresah Baharom (2009), kata dialek yang terdapat dalam Kamus Dewan 1970 diperolehi daripada kerjasama orang perseorangan. Di dalam Kamus Dewan edisi pertama dan keduanya terdapat sejumlah 2436 kata dialek daripada pelbagai daerah di semenanjung Malaysia. Di samping itu, terdapat juga kira - kira 100 kata dialek Melayu Brunei di dalam kamus ini.

Kewujudan entri - entri dialek semenanjung dalam Kamus Dewan menunjukkan ketidakseimbangan kata - kata dialek dari seluruh negeri. Hal ini demikian kerana, Kelantan, Kedah dan Terengganu jauh mendahului negeri - negeri lain di semenanjung. Namun begitu, perkamusan dalam pelbagai dialek di Malaysia belum mendapat sambutan oleh pengkaji - pengkaji.

Walaupun pelbagai dialek yang terdapat di Malaysia, hanya beberapa dialek sahaja yang telah dijadikan kamus seperti kamus dialek Johor, Terengganu dan Perak. Usaha mengumpul dan mendokumentasikan kosa - kata dialek ini amat penting bagi memperbanyakkan istilah dalam pelbagai bidang bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, kajian ini penting supaya dialek Kelantan dapat dibukukan seterusnya dapat dijadikan panduan untuk masyarakat dan kajian ini juga diharapkan dapat menghimpunkan dan menghuraikan pelbagai perbezaan dalam Dialek Kelantan (DK) dan bahasa Melayu baku (selepas ini disebut BMB).

1.3 Penyataan Masalah

Kebanyakan entri DK telah diserap masuk ke dalam Kamus Dewan yang telah ditandai dengan KI iaitu entri dialek Kelantan. Simbol ini penting bagi membezakan antara entri dialek negeri lain seperti Perak, Johor, Terengganu dan sebagainya. Dalam hal ini, pengkaji meneliti dan menganalisis semua entri DK yang terdapat dalam Kamus Dewan dan dijadikan sebagai bahan kajian. Namun dalam Kamus Dewan, ejaan dan cara penyebutan adalah sangat berbeza dengan perkataan asli dialek Kelantan. Keadaan ini akan menimbulkan masalah dari segi penyebutan. Hal ini mungkin disebabkan Kamus Dewan ialah kamus umum kegunaan masyarakat dan pakar bahasa ingin memudahkan masyarakat luar memahami khususnya dari segi penyebutan dan ejaan. Dalam hal ini, pengkaji mendapati terdapat lompong kosong yang ditinggalkan oleh Abdullah Al - Qari Haji Salleh (1981). Contohnya, perkataan “balas” dalam Kamus Pertuturan Loghat Kelantan yang ditulis oleh Abdullah Al-Qari Haji Salleh (1981) membawa maksud kelahi. Sekiranya merujuk kepada maksud bahasa Melayu baku entri balas sememangnya membawa maksud kelahi namun dalam dialek Kelantan entri ini membawa maksud bagi, macam dan seperti. Dari segi ejaan dan penyebutan dialek Kelantan yang sebenar ialah balah [ba.lah] dan bukannya balas [ba.las].

Permasalahan kedua yang dikenal pasti ialah entri dialek Kelantan yang jelas berbeza dengan bahasa Melayu baku iaitu dari aspek morfologi dan sintaksis. Tiap - tiap dialek yang dikemukakan itu perlu dilihat dari segi keseluruhannya sama ada dari aspek fonologi, sintaksis, morfologi dan sebagainya (Asmah Haji Omar, 1985). Dalam kajian Asmah Haji Omar, pengkaji mendapati beliau meninggalkan lompong dari aspek fonologi kerana kajian yang dilakukan hanya melibatkan transkripsi kasar tanpa transkripsi fonetik yang sebenar. Walaupun dalam kelompok negeri yang sama namun dialek Kelantan ini juga dilihat mempunyai perbezaan antara satu - satu daerah yang lain. Dalam bidang morfologi, perbezaan antara dialek Kelantan dan bahasa Melayu pula dapat dilihat dalam aspek struktur morfem terikat, jenis dan jumlah morfem terikat serta keseringan pemakaian morfem terikat. Perbezaan dalam bidang sintaksis antara dialek Kelantan dengan bahasa Melayu terdapat dalam pelbagai aspek. Antaranya ialah dari aspek susunan ayat pasif, susunan kata aspek sudah (doh) dalam ayat, susunan kata ‘sangat’ dalam ayat. Didapati ayat pasif dalam dialek Kelantan mempunyai susunan yang berlainan daripada ayat pasif yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Permasalahan ketiga ialah perbezaan makna dialek Kelantan dengan bahasa Melayu baku sehingga menimbulkan kekeliruan dan ketidakfahaman dalam interaksi sosial masyarakat Kelantan dengan masyarakat luar yang lain. Dalam meneliti makna DK ini, masyarakat luar terutamanya masih keliru dengan makna sesetengah DK ini. Hal ini demikian kerana, entri DK bukanlah bahasa standard yang boleh difahami oleh semua masyarakat dan maknanya ada kalanya sangat berbeza dengan bahasa baku. Terdapat juga pengguna luar yang salah tafsir dengan penggunaan entri dan ayat yang dituturkan oleh masyarakat Kelantan. Pengkaji memberi contoh yang berlaku dalam drama *Sorok Bau Budu*, yang telah ditayangkan oleh Astro Prima, 2011.

gaduh [ga.doh] kata kerja
terburu-buru dalam membuat sesuatu kerana ingin cepat, bergegas,
tergopoh-gapah/ingin dengan segera.
Ayat Dialek : Demo nk gaduh ko bendo ni.
Sebutan Dialek : [de.mə no? ga.doh kə bən.da ni]
Maksud Ayat : Awak mahu dengan segera ke, benda ini.

Dalam ayat di atas, masyarakat luar akan menganggap orang yang menuturkan ayat tersebut ingin bergaduh dengannya. Penggunaan ayat seperti ini harus dielakkan sekiranya interaksi dua hala antara masyarakat luar dengan masyarakat Kelantan asli.

Permasalahan yang keempat adalah dari segi penyusunan entri dialek Kelantan dalam Kamus Dewan. Sekiranya diteliti secara keseluruhan, masih terdapat entri yang perlu dibaiki dari segi leksikografi dialek Kelantan yang telah dimasukkan ke dalam Kamus Dewan. Sebagai contohnya dalam entri *etok* telah disusun secara berbeza antara bahasa Melayu baku dan dialek Kelantan walaupun mempunyai makna yang sama. Walhal entri ini hanya perlu disusun sekali sahaja kerana mempunyai makna yang sama seperti sejenis kerang sungai. Aspek yang membezakan entri ini hanyalah dari segi sebutan sahaja namun maknanya sama.

1.4 Persoalan kajian

- i. Sejauh manakah masalah sebutan dan ejaan berlaku dalam komunikasi dialek Kelantan ?
- ii. Bagaimanakah aspek morfologi dan sintaksis dapat dibezakan antara dialek Kelantan dengan bahasa Melayu baku ?
- iii. Apakah perbezaan makna yang ketara antara entri Dialek Kelantan dengan Bahasa Melayu Baku ?
- iv. Bagaimanakah proses penyusunan kamus mengikut teori model Ibrahim Ahmad (2005)

1.5 Objektif Kajian

Penyataan masalah yang diutarakan di atas selari dengan objektif kajian yang ingin dijelaskan. Bidang leksikografi sememangnya mementingkan aspek leksikal dan semantik. Objektif kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk memperlihatkan entri-entri dalam dialek Kelantan yang telah dibakukan. Berikut merupakan objektif kajian ini dilakukan :

- i. Untuk mengenal pasti aspek ortografi , fonetik dan fonologi entri dialek Kelantan dalam Kamus Dewan.
- ii. Untuk menjelaskan perbezaan aspek morfologi dan sintaksis dialek Kelantan berbanding dengan bahasa Melayu baku.
- iii. Untuk menganalisis perbezaan makna entri perkataan yang sama antara Dialek Kelantan dengan bahasa Melayu baku.
- iv. Untuk menyusun kamus dialek Kelantan mengikut teori model Ibrahim Ahmad (2005).

1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan objektif yang diutarakan, kajian ini penting untuk bidang linguistik kerana banyak dapatan baharu yang dijangka dapat memberi sumbangan yang bernilai dalam usaha memperkaya dan memperluas kajian dialek yang berkait rapat dengan aspek morfologi, leksikal, semantik dan fonologi yang masih kurang mendapat perhatian ahli linguistik. Ramai pengkaji barat yang sangat berminat untuk mengkaji DK tetapi kajian mereka tidak menyeluruh, mungkin disebabkan kekurangan data pada masa itu. Jika diteliti, DK dengan BMB mempunyai banyak perbezaan dari aspek linguistik. Misalnya, dari segi penyebutan sesuatu perkataan, perbezaan dari segi struktur kata dan perbezaan dari segi makna.

Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membantu mereka yang terlibat dalam bidang perkamusan untuk memahami dengan terperinci makna leksikal DK. Para pengkaji lain juga diharapkan mendapat faedah daripada hasil kajian yang telah dianalisis bagi kajian mereka waima yang terlibat terutamanya dalam bidang semantik atau bidang lain yang berkaitan. Hal ini demikian kerana, data - data yang dipaparkan sebelum ini banyak mengandungi kesilapan transkripsi sehingga mengelirukan pembaca. Hal ini demikian kerana, terdapat kata - kata pinjaman, idiolek dan sebutan yang dipengaruhi oleh bahasa Melayu yang turut dimasukkan ke dalam data. Oleh itu, pengkaji sebagai penutur asli dialek Kelantan telah memilih data - data tersebut secara lebih teliti supaya ianya benar - benar sah dan sekaligus dapat mengelak berlakunya kekeliruan semasa menganalisis data - data tersebut.

Kajian ini juga boleh digunakan oleh perancang bahasa untuk memantapkan lagi penggunaan ejaan dan sebutan baku BM. Walaupun terdapat ahli bahasa di negara ini yang beranggapan bahawa sistem ejaan BM sudah mantap, namun penemuan - penemuan baru dalam bidang linguistik boleh memperkayakan lagi sistem ejaan dan sebutan baku yang sedia ada. Hal ini termasuklah kajian terhadap DK yang diakui oleh banyak pengkaji sebagai dialek yang mempunyai banyak fenomena-fenomena yang unik berbanding dialek-dialek lain.

Selain itu, kajian ini juga dapat memberi sumbangan bernilai dalam proses pemahaman dan pembelajaran para pelajar terutamanya dalam memahami serta menghayati dengan jelas berkenaan entri DK tersebut. Penguasaan bahasa Melayu dapat ditingkatkan dengan memahami bahasa tersebut. Kajian ini amat penting dalam menerokai fenomena perubahan makna entri DK dan kaitannya dengan BMB.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu guru yang mengajar di negeri Kelantan. Sebagai contohnya, semasa proses pembelajaran pelajar masih menggunakan DK walaupun subjek bahasa Melayu. Sekiranya guru yang mengajar pada masa itu bukan berasal dari Kelantan, guru tersebut tidak dapat memahami ilmu yang hendak disampaikan oleh pelajarnya. Hal ini menjadikan pembelajaran secara dua hala tidak berkesan.

Seterusnya, kepentingan kajian ini adalah untuk mengetengahkan kepada masyarakat sedikit sebanyak kosa kata yang telah digunakan dalam komunikasi masyarakat Kelantan yang mungkin boleh diaplikasikan dalam BMB. Ianya juga dapat membantu masyarakat bukan dari Kelantan bagi memahami dengan lebih terperinci makna leksikal DK terutamanya ketika proses jual beli yang biasanya berlaku ketidakefahaman kerana tidak memahami maksud yang ingin disampaikan oleh peniaga. Secara tidak langsung kajian ini dapat menambahkan kekayaan bahasa yang ada di Malaysia terutama dialek - dialek Melayu dan bahasa - bahasa bumiputera bagi kata atau konsep tertentu. Sebagai contohnya, seperti yang diutarakan oleh Asmah Haji Omar (1987:18), dialek Kedah bukan sahaja kaya bagi merujuk bidang pertanian malahan kata - kata yang dikenali sebagai '*verb of manipulation*'. Begitu juga dialek - dialek yang lain seperti dialek Johor dan sebagainya tidak kurangnya dalam menyumbang pembinaan bahasa Melayu.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya difokuskan kepada entri DK yang telah diserap masuk dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kajian ini juga akan memperlihatkan perbezaan dan persamaan entri dialek Kelantan dengan BMB dalam pelbagai aspek linguistik termasuklah bidang morfologi, sintaksis dan fonologi. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengaplikasikan prinsip - prinsip leksikografi untuk menangani persoalan penyediaan kamus dan pentafsiran makna dalam kajian ini.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Leksikografi

Leksikografi ataupun merujuk kepada sesebuah bidang ilmu bahasa yang mengkaji cara penghasilan kamus dan merujuk kepada suatu cabang ilmu linguistik terapan yang memusatkan pembahasannya kepada teknik dan kaedah penyusunan kamus. Ilmu penyusunan kamus iaitu ilmu yang memberi perhatian kepada kajian leksikon bahasa dari segi makna, perkembangan, fungsi dan cara menggunakannya serta cara menyebutnya dan maklumat lain yang bertujuan untuk dihipunkan dan disusun dalam bentuk buku yang mudah dirujuk.

Perkataan kamus daripada prinsip ilmunya lebih dikenali dengan istilah leksikografi. Perkataan leksikografi berasal daripada perkataan greek '*lexikos*' yang bermaksud kata dan '*graphia*' yang bermaksud tulisan (Ibrahim Ahmad, 2005). Leksikografi ialah istilah teknikal untuk penulisan kamus. Para penyusun kamus mendakwa bahawa leksikografi bukan suatu aktiviti sains, tetapi merupakan suatu seni yang tidak terikat dengan sebarang metodologi linguistik moden yang mencakupi pemerhatian, pengumpulan data, pemilihan data, dan membuat pemerian unit perkataan serta kombinasi perkataan frasa dalam satu atau lebih bahasa.

Menurut Ladislav Zgueta (1971), kamus ialah daftar bentuk - bentuk linguistik yang telah disesuaikan secara bersistem, yang dikumpul daripada kebiasaan bahasa sesuatu masyarakat bahasa tertentu dan yang didokumentasikan oleh penyusun dengan cara yang sedemikian rupa sehingga pembaca memenuhi syarat memahami makna setiap bentuk terpisah dan diberi maklumat tentang fakta - fakta yang relevan yang ada kaitannya dengan jenis - jenis utama kamus, iaitu yang terutama sekali berhubungan dengan makna kamus. Terdapat pelbagai jenis kamus yang sering digunakan oleh masyarakat kita. Berikut ialah beberapa contoh kamus dengan status kemasukan maklumat linguistik (Ibrahim Ahmad, 2005).

Nama Kamus	Etimologi	Ejaan	Sebutan	Nahu Kelas Kata	Definisi /padanan	Contoh Kolo-kasi	Sinonim Antonim	Label Penggunaan
Kamus Dewan (1994)	-	+	+	-	+	+	+	+
Kamus Dwibahasa	-	+	+	+	+	+	+	+
Kamus Za'ba (2001)	-	+	-	-	+	+	+	+
Kamus Lengkap	-	+	-	-	+	+	+	+
Kamus Melayu Global	-	+	-	-	+	+	+	+


Jadual 1.2 : Contoh Kamus Dengan Status Kemasukan Maklumat Linguistik (Ibrahim Ahmad, 2005)

1.8.2 Entri

Entri merujuk kepada kata atau ungkapan utama dalam kamus yang disusun mengikut urutan abjad yang disertai takrif atau maklumat lain seperti kelas kata, contoh ayat dan sebagainya. Ianya juga merujuk kepada perkara seperti butiran atau maklumat yang dimasukkan ke dalam sesuatu kata supaya dapat difahami oleh pembaca.

Menurut Lauren Urdang (dalam Ibrahim Ahmad, 2005), entri merujuk kepada setiap kata atau *headword* dengan fon yang dicetak menggunakan huruf tebal. Setiap perubahan dalam kelas kata (set pertama definisi di bawah kelas kata tertentu dikira sebagai sebahagian kata entri tetapi definisi tambahan di bawah kata akar tersebut dikira sebagai entri tambahan.

Klasifikasi entri yang dapat digariskan oleh ahli leksikografi dan ahli metaleksikografi dapat digambarkan seperti yang berikut.



Rajah 1.2 : Klasifikasi Entri mengikut Lauren Urdang (dalam Ibrahim Ahmad, 2005)

1.8.3 Dialek

Dialektologi merupakan satu bidang ilmu yang mengkaji dialek. Perkataan dialek berasal daripada perkataan Yunani, iaitu 'Dialektos' yang bererti 'A manner of speech' ataupun 'cara sesuatu percakapan'. Dalam sesuatu bahasa itu sendiri boleh terdapat beberapa kelainan dialek. Kelainan ini wujud secara tersendiri dan biasanya bertapak kukuh dalam kumpulan kecil penuturnya, dan terpisah - pisah sifatnya serta dapat memperlihatkan perbezaan kecil. Walaupun demikian, penutur antara dialek tersebut saling memahami dan boleh berhubung antara satu sama lain walaupun mereka menuturkan dialek yang berbeza.

Dialek boleh didefinisikan sebagai satu kelainan daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu - satu kelompok masyarakat bahasa. Selain itu, dialek juga mempunyai bentuk - bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan mempunyai sedikit perbezaan daripada bentuk yang baku dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata - kata tertentu. Dari sudut yang sama, pewujudan bahasa boleh disejajarkan dengan sebuah sistem. Dalam hal ini, bahasa boleh dianggap sebagai sebuah sistem terbuka yang dalamnya terkandung beberapa bahagian dan bahagian dalam sistem bahasa inilah yang dikatakan dialek atau variasi bahasa.

Mungkin ada yang menganggap dialek sebagai bahasa dan mungkin ramai yang juga yang tidak mengetahui bahawa dialek ialah cabang bahasa. Terdapat dua jenis dialek iaitu dialek sosial dan dialek geografi (Asmah Haji Omar, 1985). Dialek sosial merujuk kepada dialek yang digunakan untuk menerangkan perbezaan dalam pertuturan yang dikaitkan dengan beberapa kumpulan sosial atau kelas. Faktor yang mempengaruhi dialek sosial ini merangkumi pekerjaan, tempat tinggal, pendidikan, pendapatan, latar belakang budaya, agama dan sebagainya. Manakala dialek geografi merupakan istilah yang digunakan untuk menerangkan usaha yang dibuat untuk memeta distribusi fitur - fitur linguistik yang berbagai - bagai bagi menunjukkan asal - usul geografinya.

Kepelbagaian dialek Melayu cukup disedari oleh rakyat Malaysia. Hampir setiap negeri di Malaysia mempunyai dialek setempat masing - masing seperti dialek Perak, dialek Kelantan, dialek Pahang dan sebagainya. Kepelbagaian dialek ini bukan dianggap sebagai satu kelainan malah diterima umum kerana bahasa Melayu telah lama dituturkan dalam pelbagai ragam dan bentuk. Keadaan ini dianggap sebagai satu kelebihan dalam usaha menambahkan perbendaharaan kata bahasa Melayu, terutamanya dalam bidang peristilahan dan perkamusan.


Di Malaysia, konsep dialek ini secara umumnya dikaitkan dengan ragam pertuturan yang didasarkan pada daerah atau kawasan pertuturannya. Pada suatu ketika dahulu, istilah bahasa daerah atau loghat daerah digunakan (Nik Safiah Karim, 1965) untuk konsep dialek. Jika kita meneliti tajuk - tajuk kajian dialek yang dilakukan di negara kita, hampir keseluruhannya tertumpu pada dialek kawasan. Kebanyakan kajian dialek yang dilakukan berbentuk kajian dialek deskriptif. Kajian dialek di Malaysia juga adalah lebih rencam, iaitu merangkumi aspek yang lebih luas seperti bidang pendidikan dan juga kesusasteraan selain bidang linguistik.

1.8.4 Dialek Kelantan

Dialek Kelantan merupakan suatu kaedah percakapan mahupun pertuturan yang diamalkan oleh seluruh penduduk negeri Kelantan dan juga beberapa daerah di pinggir negeri itu, iaitu Patani di Siam dan daerah - daerah di sempadan negeri Kelantan / Terengganu. Di negeri Kelantan, terdapat beberapa subdialek seperti dialek Kota Bharu, Machang, Pasir Putih, Bachok, Tanah Merah, Tumpat, Pasir Mas dan Ulu Kelantan mengikut daerah masing - masing. Di antara beberapa subdialek tersebut, subdialek Kota Bharu dianggap sub dialek yang standard. Hal ini demikian kerana, subdialek inilah yang digunakan oleh golongan atasan Kelantan sekiranya mereka tidak menggunakan bahasa standard dalam pertuturan mereka.

Terdapat dua dialek sosial dalam dialek Kelantan iaitu bahasa istana (dialek yang dituturkan oleh golongan raja atau golongan dalam lingkungan istana) dan dialek orang awam. Dalam dialek orang awam tidak terdapat perbezaan yang jelas dari segi percakapan. Kalau ada perbezaan mungkin dalam cara - cara penyebutan bunyi - bunyi vokal itu di antara penduduk desa dengan penduduk bandar.

Berdasarkan kajian linguistik sejarah, bandingan dan dialektologi, DK sama seperti dialek-dialek Melayu yang lain (kecuali dialek Johor) berasal dari bahasa Melayu induk, bukannya bahasa Melayu moden/ standard/ baku yang ada sekarang. Hubungan ini digambarkan oleh Asmah (1985: 395) seperti di bawah:



Rajah 1.8 Hubungan antara bahasa dan dialek-dialek Melayu

Da, Db, Dn dalam rajah di atas mewakili dialek - dialek Melayu sekarang. Boleh juga diandaikan bahawa Da, Db...Dn itu juga mempunyai bentuk klasik masing - masing, atau setidak - tidaknya kelainan yang lebih tua dari yang ada sekarang ini. Rekonstruksi dan andaian ini penting bagi menentukan bentuk dalam sesuatu dialek supaya tidak terikat dengan bentuk BM yang ada sekarang.

Dalam satu lagi kajian yang dibuat berdasarkan kepada kelainan leksikal dan fonetik, penggolongan dialek Melayu di Semenanjung Malaysia boleh dibahagikan kepada dua golongan yang besar, iaitu :

- i. Golongan yang tersebar dari Patani
- ii. Golongan yang tersebar dari Johor.

Berdasarkan pendapat ini, DK, dialek Terengganu, pedalaman Kedah dan pedalaman Perak Utara adalah termasuk dalam golongan pertama. Johor, Melaka, Selangor, dan selatan Perak termasuk dalam golongan kedua. Hubungan Kelantan - Patani dapat dibuktikan melalui sejarah perhubungan antara Kelantan dan Siam/ Patani yang begitu erat. Kelantan pernah berada di bawah naungan Siam sehingga tahun 1909. Selepas itu, Kelantan diserahkan kepada pemerintahan British mengikut perjanjian "*The Bangkok Treaty*" (Nik Safiah 1965: 6). Persamaan - persamaan yang erat dalam dialek dan budaya Patani dan Kelantan masih wujud sehingga sekarang. Selain itu, banyak juga dalam kalangan mereka yang masih mempunyai hubungan kekeluargaan yang merentasi sempadan kedua - dua buah negara.

1.9 Kesimpulan

Sungguhpun negeri Kelantan mempunyai sembilan daerah seperti Kota Bharu, Tumpat, Bachok, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah, Gua Musang, Jeli dan Machang, namun pengkaji hanya memfokuskan kajian ini di daerah Kota Bharu sahaja yang merupakan pusat bandar utama negeri Kelantan. Dalam hal ini, pelbagai faktor yang membolehkan kebanyakan daripada masyarakat kini telah dapat menguasai pelbagai dialek yang wujud di Malaysia khususnya dialek Kelantan seperti faktor pergaulan, pendidikan atau pengalaman. Perbezaan ini juga disebabkan resapan unsur dari negeri lain sehingga menimbulkan makna yang berbeza walaupun entri yang sama. Selain itu, penyebaran dialek Kelantan dalam perkembangan bahasa Melayu semakin meluas juga disebabkan penghijrahan masyarakat Kelantan yang telah berhijrah ke seluruh Malaysia khususnya bandar - bandar besar seperti Kuala Lumpur, Selangor, Johor, dan Pulau Pinang.

Oleh itu, penyelidikan terhadap tajuk tesis ini berlandaskan kepada tiga objektif penting yang dinyatakan di sebelum ini. Bab ini telah menghuraikan latar belakang kajian ini, pernyataan masalah, dan objektif kajian. Selain itu, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah juga telah dijelaskan. Kesemua aspek ini amat penting dalam sesuatu kajian. Tanpa pernyataan masalah, kajian tidak dapat dilakukan kerana tiada lompong kosong untuk diisi. Dengan adanya pernyataan masalah ini, kajian ini telah membuktikan bahawa terdapat lompong kosong yang telah ditinggalkan kajian sebelum ini. Bab seterusnya akan membincangkan sorotan kajian bagi kajian.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Hamid Mahmood (1981). *Ciri - Ciri Dialek Kelantan yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Melayu Standard*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hamid Mahmood (2006). *Sintaksis Dialek Kelantan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2005). Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti. *Tesis Doktor Falsafah, Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA)*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2005). Inventori Konsonan Dialek Melayu Kelantan : Satu Penilaian Semula. *Jurnal Pengajian Melayu*, vol 16:200-217.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2007). Syarat Koda Suku Kata Dialek Kelantan Berdasarkan Teori Optimaliti, in *Adi Yasran Abdul Aziz at al. Cendekia*, pp.62 - 79. Serdang : Jabatan Bahasa Melayu. Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi UPM.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2011). Representasi Dalaman Kata Kerja Berawalan Per – Dalam Dialek Kelantan, in Zaitul Azma Zainon Hamzah, Adi Yasran Abdul Aziz & Abdul Rashid Daing Melebek . *Kedinamikan Bahasa dalam Budaya : Isu Dan Trend*. pp 113 -121. Serdang. Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Aini Haji Karim (2008). *Teori Medan Makna : Pendeskripsian Leksikal Kata Kerja dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ajid Che Kob (1985). Dialek Geografi Pasir Mas. *Monograf 5. Institut Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ajid Che Kob dan Farid M. Onn (1993). *Simposium Dialek : Penyelidikan dan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman (2000). *Teori Perkamusan*. Seri Kembangan. Weng Seng Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar (1985). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (1987). *Perkamusan Melayu : Satu Penilaian. Kertas Syarahan Memperingati Ulang Tahun Kesepuluh Koleksi Kebangsaan*, Perpustakaan Universiti Malaya.
- Bejoint, H. (1994). *Tradition and Innovation in Modern English Dictionaries*. Oxford. Clarendon Press.
- Bejoint, H. (2000). *Modern Lexicography : An Introduction*. Oxford. Oxford University Press.

- Collins, James T (1973). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Collins, James T (1981). *Bahasa dan Dialek : Perancangan dan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Collins, James T (1973). *Dialek Melayu dan Bahasa Baku : Menghadapi Zaman Global*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Collins, James T (1996). *Khazanah Dialek Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi.
- Comsky, N (1957). *Syntactic Structures*. The Hague. Mouton.
- Chomsky, N. & Halle (1968). *The Sound Pattern Of English*. New York : Harper & Row.
- David H. De Queljiae (1971). *A. Preliminary Study of Some Phonetic Feature of Patani with Glossaries*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Fadilah Jasmani (1994). Kategori Maklumat Kamus. *Kertas Kerja Seminar Perkamusan Melayu*. Kuala Lumpur.
- Hartman R.R.K. ed (1993). *Leksikografi : Prinsip dan Amalan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Musa (1971). *Pengantar Ciri - Ciri Prosodi, Sendi, dan Intonasi Serta Pengwujudan Ciri - Ciri itu dalam Dialek Kelantan yang Dituturkan Di Pasir Mas*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Hashim Musa (1974). Morfemik Dialek Kelantan. *Tesis Sarjana. Universiti Malaya*. Kuala Lumpur.
- Hashim Musa (2008). Pemeraksanaan Bahasa Melayu Di Arena Antarabangsa Demi Kemajuan Negara Bangsa Malaysia di Persada Dunia. *Persidangan Bahasa Melayu dalam Perspektif Antarabangsa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ahmad (2005). *Perkamusan Melayu : Teori dan Amali*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Ibrahim Ahmad (1994). *Perkamusan Melayu : Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur : Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jackson, H. (2002). *Lexicography : An Introduction*. London & New York : Routledge.
- J.K. Chambers dan Peter Trudgill (1980). *Dialectology*. London. Cambridge University Press.

- Kasimi, A.M. (1977). *Linguistics and Bilingual Dictionaries*. Leiden : E.J. Brill.
- Li Jian (2006). Pengembangan Bahasa Melayu Di China. *Persidangan Bahasa Melayu dalam Perspektif Antarabangsa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nathesan. S (2001). *Makna dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom et al. (2009). Kamus dan Perkamusan Melayu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom & Rusli Abdul Ghani (1990). Perkamusan Dan Perancangan Bahasa Melayu : Persoalan Dan Cabaran. *Jurnal Dewan Bahasa*. 34.11:865 - 873.
- Nik Safiah Karim (1965). Loghat Melayu Kelantan. *Tesis Sarjana*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim (1986). *Bahasa Melayu Tinggi*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Nik Safiah Karim (1980). *Bahasa Melayu : Teori dan Aplikasinya*. Kuala Lumpur : Sarjana Enterprise.
- Nik Safiah Hj. Abdul Karim (1965). *Loghat Kelantan Suatu Cerakinan Kaji Bunyi Bahasa*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin (2003). *Bahasa dalam Perniagaan : Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Palmer, F.R. (1981). *Semantics*. London : Cambridge University Press.
- Sulaiman Ngah Razali. (1997). *Pedagogi : Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Svensen, B (1993). *Practical Lexicography*. Oxford : Oxford University Press.
- Teo Kok Seong (2003). *The Peranakan Chinese Of Kelantan : A Study Of The Culture, Language And Communication Of An Assimilated Group In Malaysia*. London : Asean. Academic Press.
- Tomaszczyk, J. ed (1990). *Meaning and Lexicography*. Amsterdam : John Benjamin Publishing.
- Ullmann, S. (1983). *Semantics : An Introduction To The Science Of Meaning*. Oxford : Basil Blackwell.
- Yabit Alas (2008). *Multilingual Memperkasa Bahasa Melayu*. Persidangan Bahasa Melayu dalam Perspektif Antarabangsa. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaharani Ahmad (1993). *Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Safarwan (1995). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributor Sdn. Bhd.

Zgusta, Ladislav (1971). *Manual Of Lexicography*. Mouton

